



**PLAN**Malaysia

# **GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA 2017**

**PROGRAM SEBARAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN  
12 JULAI 2019 – PPZS MELAKA**

# TUJUAN

**Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan TADIKA dan TASKA 2017 (GPPP 2017) ini dibentangkan bagi tujuan sebaran dan pemakluman kepada semua pihak termasuk kementerian dan agensi yang terlibat di dalam penubuhan TADIKA dan TASKA.**

# LATAR BELAKANG

## i. GPP TADIKA dan TASKA 2012

diterbitkan susulan daripada mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam pada 6 April 2011 yang membincangkan isu-isu berkaitan operasi dan penubuhan TADIKA dan TASKA.

## ii. SKOP GPP 2012 - mengawal dan merancang penubuhan TADIKA dan TASKA sehingga aras 2 bangunan sahaja.



# LATAR BELAKANG

- **23 April 2014** - Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengkaji syarat-syarat penubuhan TADIKA dan TASKA di bangunan bertingkat bagi menggalakkan badan korporat dan syarikat swasta menyediakan pusat asuhan kanak-kanak di pejabat.

## **Konsultasi bersama :**

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK);
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- PBT – DBKL, Perbadanan Putrajaya, MBSA;
- Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Malaysia (Majlis ECCE)
- Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM);
- Persatuan Pengusaha dan Pengasuh TASKA Berdaftar (PAPENTA).

# LATAR BELAKANG

Syarat-syarat khas penubuhan TADIKA dan TASKA di Bangunan Bertingkat ini telah dibentangkan, dibincangkan dan dipersetujui di mesyuarat-mesyuarat seperti berikut:

**23 DISEMBER 2016**



Mesyuarat Jawatankuasa  
Perancangan dan Pembangunan KPKT

**12 APRIL 2017**



Mesyuarat Pengurusan KPKT dipengerusikan  
oleh YBhg. Dato' KSU KPKT

**12 APRIL 2017**



Mesyuarat Pasca Kabinet dipengerusikan oleh YB Menteri  
KPKT

**21 JUN 2017**



Mesyuarat Jemaah Menteri dipengerusikan oleh YAB  
Timbalan Perdana Menteri

**10 JULAI 2017**



Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT)  
dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri



# KANDUNGAN GPP

**Kandungan GPP 2017 mengandung perkara-perkara berikut:**

- **TUJUAN**
- **LATAR BELAKANG**
- **SKOP**
- **PERUNTUKAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN**
- **DEFINISI**
- **PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN**
- **GARIS PANDUAN PERANCANGAN**
- **SYARAT-SYARAT PENUBUHAN**
- **SYARAT-SYARAT KESELAMATAN DI BANGUNAN BERBILANG TINGKAT**
- **PROSES PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA**

# TUJUAN DAN DEFINISI

## **TUJUAN GPP -**

memudah cara serta memberi panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi pelaksana dan pemaju dalam merancang, menubuh dan mengawal pembangunan TADIKA dan TASKA.

## **DEFINISI TASKA**

**Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308]** - mana-mana premis yang menerima masuk 4 atau lebih kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dari lebih daripada satu isi rumah diterima masuk untuk dijaga dengan upah.

## **DEFINISI TADIKA**

**Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]** - sebagai mana-mana tempat di mana pendidikan prasekolah (4 hingga 6 tahun) disediakan untuk 10 orang murid atau lebih.

# JENIS-JENIS TASKA

| Jenis                           | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|---------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>a. TASKA di Rumah</b>        | Menerima masuk 4 hingga 9 orang kanak-kanak dalam rumah orang yang didaftarkan.                                                                                                                                                                                                         |
| <b>a. TASKA di Institusi</b>    | Taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih.                                                                                                                                                                                                           |
| <b>a. TASKA di Tempat Kerja</b> | Taman asuhan kanak-kanak yang disediakan di mana-mana tempat kerja.                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>a. TASKA Komuniti</b>        | Taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih di kawasan keluarga berpendapatan rendah (pendapatan isi rumah RM2,000.00 di kawasan bandar dan kurang RM1,200.00 di luar bandar) dan menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. |




# PRINSIP PERANCANGAN

- GPPP TADIKA dan TASKA 2017 ini akan menggantikan GPP TADIKA dan TASKA 2012 dengan penambahan syarat-syarat perancangan dan penubuhan TADIKA dan TASKA sehingga **ke aras 5 bangunan atau sehingga ketinggian 18m dari akses perkakas bomba.**

- **PRINSIP PERANCANGAN**

- ✓ Keselamatan
- ✓ Penyediaan kemudahan yang mencukupi
- ✓ Keselesaan



# GARIS PANDUAN PERANCANGAN

## 1. GPP 2017 menggariskan beberapa garis panduan iaitu:

| Garis panduan                                          |                                                                                                                                                                                                                                                           |
|--------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Perancangan tapak dan ruang penyediaan</b>          | <ul style="list-style-type: none"><li>• Selaras dengan rancangan pemajuan.</li><li>• Disyaratkan di dalam KM</li></ul>                                                                                                                                    |
| <b>Kategori premis bagi penubuhan TADIKA dan TASKA</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Tapak yang telah didirikan bangunan</li><li>• Tapak yang belum didirikan bangunan</li><li>• Bangunan pejabat/institusi/perniagaan berbilang tingkat</li><li>• Di kawasan kediaman</li></ul>                       |
| <b>Keperluan penyediaan TADIKA dan TASKA</b>           | <ul style="list-style-type: none"><li>• 1 TADIKA – 200 unit rumah</li><li>• 1 TASKA – 200 unit rumah</li><li>• Bangunan berbilang tingkat – ruang lantai 100,000kp tidak termasuk ruang perkhidmatan dan TLK - 1 TASKA/TADIKA</li></ul>                   |
| <b>Lokasi dan keadaan tapak</b>                        | <ul style="list-style-type: none"><li>• Tidak dibenarkan di kawasan yang mempunyai;<ul style="list-style-type: none"><li>- pencemaran bunyi, bau atau bahan kimia</li><li>- Risiko kebakaran yang tinggi</li><li>- Risiko geo bencana</li></ul></li></ul> |

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN

## 1. GPP 2017 menggariskan beberapa garis panduan iaitu:

| Garis panduan                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| • <b>Had ketinggian mengikut kegunaan bangunan</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Khususnya kepada bangunan berbilang tingkat</li></ul> <div data-bbox="1182 486 1933 565"><b>Had ketinggian bangunan</b></div>                                                                                                                                                                                 |
| <b>Keperluan ruang minimum kanak-kanak</b>         | <ul style="list-style-type: none"><li>• TADIKA – 15kp/kanak-kanak (tidak termasuk penyediaan utility spt tandas, dapur, bilik kakitangan.</li><li>• Mengikut jenis TASKA<ul style="list-style-type: none"><li>- TASKA di rumah – 26.9kp / kanak-kanak</li><li>- TASKA di institusi/tempat kerja/ komuniti – 37.6kp / kanak-kanak.</li></ul></li></ul> |
| • <b>Rekabentuk Sejagat</b>                        | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bahan binaan dalaman sesuai dengan fizikal kanak-kanak</li><li>• Rekabentuk laluan kecemasan perlukan mesra kanak-kanak. (cth : secondary handrail)</li><li>• Pencahayaan yang mencukupi (direct sun light)</li></ul>                                                                                         |

# SYARAT-SYARAT PENUBUHAN

## 2. GPP 2017 mengambilkira syarat-syarat penubuhan TADIKA dan TASKA:

### Nisbah penjagaan TADIKA

|               |                                                                                                                        |
|---------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Aras 5</b> | a) <b>Nisbah guru kepada murid ialah 1:15.</b><br>b) <b>Tambahan dua (2) orang pembantu</b> guru bagi setiap 15 murid. |
| <b>Aras 4</b> |                                                                                                                        |
| <b>Aras 3</b> |                                                                                                                        |
| <b>Aras 2</b> | a) Nisbah guru kepada murid ialah <b>1:25.</b>                                                                         |
| <b>Aras 1</b> | b) <b>Tambahan satu (1) orang pembantu</b> guru bagi setiap 25 murid.                                                  |

### Nisbah penjagaan TASKA

| <b>Nisbah pengasuh kanak-kanak/pengasuh kanak-kanak berdaftar dengan kanak-kanak</b> | <b>Had Umur (Bulan)</b>          |
|--------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|
| <b>1 : 3</b>                                                                         | <b>0 - 1 tahun (0-12 bulan)</b>  |
| <b>1 : 5</b>                                                                         | <b>1 - 3 tahun (12-36 bulan)</b> |
| <b>1 : 10</b>                                                                        | <b>3 - 4 tahun (36-48 bulan)</b> |

# SYARAT-SYARAT PENUBUHAN

## 2. GPP 2017 mengambilkira syarat-syarat penubuhan TADIKA dan TASKA:

### Penubuhan pasukan khas waktu kecemasan (TASKA)

- mewujudkan pasukan khas yang dilatih
- **Terdiri daripada** pengasuh bayi, pentadbir, kerani, tukang masak, sukarelawan yang terdiri daripada pekerja-pekerja di dalam bangunan.

- Pengangkutan dan penyediaan makanan
- Kursus, latihan, dan kurikulum kesihatan
- Pengurusan dan penyelenggaraan

| Nisbah Ahli Pasukan Khas Dengan Kanak-kanak | Had Umur (Bulan)          |
|---------------------------------------------|---------------------------|
| 1 : 2                                       | 0 - 3 tahun (0-36 bulan)  |
| 1 : 5                                       | 3 - 4 tahun (36-48 bulan) |

# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

**Bagi menjamin keselamatan kanak-kanak dan guru, GPP 2017 juga menggariskan beberapa syarat-syarat keselamatan iaitu:**

## **3. Syarat-syarat keselamatan**

- **Bahan binaan bangunan**
- **Laluan pelepasan diri**
- **Dinding pengasingan/petak**
- **Peralatan pencegahan kebakaran**
- **Had aktiviti memasak**
- **Pintu dan laluan keselamatan kebakaran**
- **Dinding dalam (partition)**
- **Tanda KELUAR**
- **Pencahayaan Kecemasan**
- **Pemasangan CCTV**
- **Kawasan Perhimpunan kecemasan**
- **Penyediaan pelan keselamatan kebakaran dan bencana**
- **Perakuan pelan.**



# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 1. Bahan Binaan Bangunan

|               |                                                                                                                                            |
|---------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Aras 5</b> | <b>Jenis bahan binaan tidak mudah terbakar</b> (non-combustible). <ul style="list-style-type: none"><li>• Kayu tidak dibenarkan.</li></ul> |
| <b>Aras 4</b> |                                                                                                                                            |
| <b>Aras 3</b> |                                                                                                                                            |
| <b>Aras 2</b> |                                                                                                                                            |
| <b>Aras 1</b> | Semua jenis bahan binaan termasuk kayu (timber material).                                                                                  |

## 2. Laluan Pelepasan Diri

|               |                                                                                                                 |
|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Aras 5</b> | a) Hendaklah mempunyai <b>sekurang-kurangnya dua (2) laluan keluar keselamatan</b> termasuk tangga keselamatan. |
| <b>Aras 4</b> | b) Hendaklah <b>dihubung terus ke tangga keselamatan</b> kebakaran melalui kawasan terlindung.                  |
| <b>Aras 3</b> | Hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) laluan keluar keselamatan termasuk tangga keselamatan.           |
| <b>Aras 2</b> |                                                                                                                 |
| <b>Aras 1</b> |                                                                                                                 |

*\*syarat-syarat tambahan*

# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 3. Dinding Pengasing/petak

|               |                                                                                                                                             |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Aras 5</b> | Hendaklah diasingkan dari kegunaan lain dengan <b>dinding petak</b> yang mempunyai <b>ketahanan api tidak kurang daripada dua (2) jam</b> . |
| <b>Aras 4</b> |                                                                                                                                             |
| <b>Aras 3</b> |                                                                                                                                             |
| <b>Aras 2</b> |                                                                                                                                             |
| <b>Aras 1</b> |                                                                                                                                             |

## 4. Peralatan Pencegah Kebakaran

|               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|---------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Aras 5</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>a) Dilengkapi dengan sistem semburan air automatik (<b>sprinkler system</b>).</li><li>b) Menyediakan <b>alat pemadam api</b> (mengikut MS 1539) yang <b>mencukupi</b> dan memastikan alat tersebut <b>berfungsi</b> dengan baik setiap masa.</li><li>c) Mengadakan <b>alat pengesan asap</b> sekurangnya dari jenis <i>self-contained</i>.</li></ul> |
| <b>Aras 4</b> | <div></div>                                                                                                                                                                                                        |

*\*syarat-syarat tambahan*

# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 4. Peralatan Pencegah Kebakaran (samb..)

|               |                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Aras 3</b> | <p>a) Mempunyai sekurang-kurangnya sistem pengesan asap (<b>smoke detector</b>) atau haba (<b>heat detector</b>).</p> <p>b) Menyediakan <b>alat pemadam api</b> (mengikut MS 1539) yang mencukupi dan memastikan alat tersebut berfungsi dengan baik setiap masa.</p> |
| <b>Aras 2</b> | Menyediakan <b>alat pemadam api</b> (mengikut MS 1539) yang mencukupi dan memastikan alat tersebut berfungsi dengan baik setiap masa.                                                                                                                                 |
| <b>Aras 1</b> |                                                                                                                                                                                                                                                                       |



*\*syarat-syarat tambahan*

# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 5. Had Aktiviti Memasak

|        |                                                                                                                                                                                                                                                      |
|--------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Aras 5 | <p>a) Dibenarkan dengan hanya menggunakan <b>peralatan elektrik</b> atau <b>dapur elektrik</b>.</p> <p>b) Dibenarkan <b>dapur gas (LPG)</b> sekiranya <b>dibuat pengasingan kawasan dapur</b> dan kawasan lain berdasarkan peruntukan UBBL 1984.</p> |
| Aras 4 |                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Aras 3 |                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Aras 2 |                                                                                                                                                                                                                                                      |
| Aras 1 |                                                                                                                                                                                                                                                      |




*\*syarat-syarat tambahan*

# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 6. Pintu dan Laluan Keselamatan Kebakaran

- a) **Semua pintu keluar** hendaklah hanya **membuka ke arah keluar**.
- a) **Laluan keluar** hendaklah ditempatkan **berasingan atau terlindung**.
- a) **Semua pintu dan laluan keluar** hendaklah **tidak dihalang**.
- a) **Tangga kecemasan** adalah terkepung.
- a) **Jeriji** perlu **memenuhi aspek keselamatan** dan pelepasan diri.



*\*syarat-syarat tambahan*

# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 7. Dinding Dalam (partition)

- a) Hendaklah mempunyai **ketahanan api tidak kurang setengah jam.**
- b) **Kemasan** hendaklah **dari jenis *surface spread of flame*** iaitu kelas 'O' berdasarkan kepada *BS 476: Part 6 - Method of Test for Fire Propagation for product.*

## 8. Tanda "KELUAR"

Semua tempat keluar kecemasan hendaklah diadakan **tanda 'KELUAR' atau 'KELUAR' dengan anak panah**, dan **diterangi berterusan.**



*\*syarat-syarat tambahan*



# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 9. Pencahayaan Kecemasan

Hendaklah disediakan **pencahayaan kecemasan** bagi yang menjalankan aktiviti selepas waktu gelap.

## 10. Pemasangan CCTV

Untuk keselamatan bangunan dan kanak-kanak, hendaklah disediakan **pemasangan CCTV**.



## 11. Kawasan Perhimpunan Kecemasan

a) Hendaklah ditetapkan **suatu kawasan perhimpunan kecemasan**.

b) Memastikan kawasan ini **selamat, mudah dilihat dan mudah sampai**.

c) **Ditanda** sebagai kawasan perhimpunan kecemasan **dengan jelas**.




*\*syarat-syarat tambahan*



# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 12. Penyediaan Pelan Keselamatan dan Kebakaran

- a) Pengusaha TASKA dan TADIKA **perlu menyediakan pelan keselamatan kebakaran dan bencana** yang mengandungi:
- **SOP** keselamatan.
  - **Pengurusan dan penyelenggaraan kemudahan keselamatan kebakaran dan bencana.**
- b) Pengusaha **menyediakan peralatan penyelamat yang sesuai** dan diletakkan di tempat yang **mudah dicapai**.



*\*syarat-syarat tambahan*

# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 13. Perakuan Pelan

- a) **Pembangunan baru atau bangunan yang hendak diubahsuai** - perlu mengemukakan pelan permohonan kepada pihak berkuasa seperti JBPM dan PBT untuk perakuan.
- b) **Bangunan telah diluluskan kegunaan sebagai TASKA atau TADIKA dan tidak melibatkan pengubahsuaian struktur dan reka bentuk bangunan** - tidak perlu perakuan daripada pihak berkuasa.



*\*syarat-syarat tambahan*


# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN

## 14. Kuasa Melulus Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia


- JBPM boleh membuat pertimbangan dan membenarkan sesebuah TADIKA atau TASKA ditubuhkan di bangunan bertingkat **selain syarat-syarat yang dinyatakan di dalam garis panduan ini.**
- JBPM juga boleh menguatkuasakan **Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)** dan kesalahan di bawah Akta ini boleh **didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.**
- JBPM juga **berhak membuat keputusan muktamad** berdasarkan syarat-syarat untuk **aspek keselamatan kebakaran** bagi penubuhan TADIKA dan TASKA di bangunan bertingkat seperti mana yang dinyatakan di dalam garis panduan ini bagi memastikan sesuatu **bangunan bertingkat adalah benar-benar sesuai dan selamat untuk ditubuhkan TADIKA dan TASKA.**



# SYARAT-SYARAT KESELAMATAN



*Kawasan perhimpunan kecemasan (emergency assembly area) yang ditanda dengan jelas dan berteduh.*



Contoh reka bentuk ruang permainan di dalam dan di kawasan terbuka bangunan yang mendapat cahaya matahari terus.

*\*syarat-syarat tambahan*

# PROSES PENUBUHAN

Terdapat dua (2) cara untuk menubuhkan TADIKA dan TASKA :

1. **Proses kelulusan bagi bangunan dan ruang khas yang telah didirikan bangunan.**
2. **Melalui proses permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan bagi tapak yang belum didirikan bangunan.**

Untuk cadangan TADIKA dan TASKA di tapak khas yang telah didirikan bangunan atau ruang khas TADIKA dan TASKA di dalam bangunan bertingkat, **pemohon tidak perlu lagi melalui proses permohonan KM dan pelan bangunan, hanya perlu melalui proses permohonan pendaftaran dan lesen premis perniagaan.**

**PROSES 1**

Untuk cadangan TADIKA dan TASKA di tapak khas yang belum didirikan bangunan, **pemohon perlu melalui proses permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan, permohonan pendaftaran dan permohonan lesen premis perniagaan.**

**PROSES 2**



PLANMalaysia

SEKIAN  
TERIMA KASIH



| No. | Kegunaan Bangunan                                                                         | Had Ketinggian Dibenarkan                                                         | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Pejabat                                                                                   | Sehingga 18 meter atau kira-kira aras 5.                                          | i) Sehingga aras 3 sahaja sekiranya tidak dilengkapi sistem semburan air automatik.<br><br>ii) Sehingga 18 meter atau kira-kira aras 5 sekiranya dilengkapi dengan sistem semburan air automatik (sprinkler system).<br><br>iii) Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible). |
| 2   | Perumahan<br><br>a) Pangsapuri.<br><br>b) Kondominium.                                    | Sehingga aras 2.                                                                  | Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).                                                                                                                                                                                                                                  |
| 3   | Institusi<br><br>a) Kesihatan.<br><br>b) Pendidikan.                                      | Sehingga aras 2.                                                                  | Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar(non-combustible).                                                                                                                                                                                                                                   |
| 4   | Komersial<br><br>a) Kompleks Membeli-belah<br><br>b) Kedai Pejabat<br><br>c) Rumah Kedai. | Aras 1 sahaja.<br><br>Sehingga aras 2.<br><br>Sehingga aras 2.                    | Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible).                                                                                                                                                                                                                                  |
| 5   | Bercampur Dengan Akses Berasingan (Separate Access).                                      | Sama seperti had ketinggian kegunaan pejabat, perumahan, institusi dan komersial. | Syarat-syarat adalah sama seperti kegunaan pejabat, perumahan, institusi dan komersial.                                                                                                                                                                                                          |
| 6   | Bercampur Dengan Akses Bersama (Shared Access).                                           | Berdasarkan kegunaan bangunan dominan di aras 1.                                  | Syarat-syarat adalah sama seperti kegunaan pejabat, perumahan, institusi dan komersial.                                                                                                                                                                                                          |



## 1. Pejabat

| Bil. | Perkara                                     | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------|---------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <b>Jenis Pembangunan</b>                    | Bangunan pejabat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
| 2.   | <b>Had ketinggian TADIKA dan TASKA</b>      | <ul style="list-style-type: none"><li>• Sehingga aras 3 sekiranya tidak dilengkapi sistem semburan air automatik.</li><li>• Sehingga aras 5 sekiranya dilengkapi dengan sistem semburan air automatik (sprinkler system).</li></ul>                                                                                                           |
| 3.   | <b>Tempoh masa pengungsian (evacuation)</b> | Pendek.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| 4.   | <b>Ciri-ciri penghuni (occupants)</b>       | <ul style="list-style-type: none"><li>• Penghuni telah biasa dengan persekitaran dan laluan kecemasan.</li><li>• Penghuni lebih bersedia untuk mengungsi (evacuate) kerana telah menjalani latihan kebakaran (fire drill), sentiasa berpakaian (dressed) dan berjaga-jaga serta hanya bertanggung jawab kepada keselamatan sendiri.</li></ul> |
| 5.   | <b>Reka bentuk bangunan</b>                 | <ul style="list-style-type: none"><li>• Reka bentuk ruang pejabat menggunakan pelan lantai terbuka (open floor plan).</li><li>• Maklumat kebakaran boleh tersebar dengan cepat untuk penghuni bertindak menyelamatkan diri.</li></ul>                                                                                                         |
| 6.   | <b>Penyelenggaraan sistem kebakaran</b>     | Sentiasa diselenggara dengan baik.                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 7.   | <b>Pasukan bantuan kecemasan</b>            | Terdapat pekerja terlatih yang boleh membantu dalam pengungsian waktu kebakaran dan kecemasan.                                                                                                                                                                                                                                                |

## 2. Perumahan

| Bil. | Perkara                                     | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
|------|---------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <b>Jenis Pembangunan</b>                    | <ul style="list-style-type: none"><li>• Pangsapuri</li><li>• Kondominium</li></ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 2.   | <b>Had ketinggian TADIKA dan TASKA</b>      | Sehingga aras 2.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| 3.   | <b>Tempoh masa pengungsian (evacuation)</b> | Panjang.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 4.   | <b>Ciri-ciri penghuni (occupants)</b>       | <ul style="list-style-type: none"><li>• Penghuni telah biasa dengan persekitaran dan laluan kecemasan.</li><li>• Penghuni mungkin masih tidur atau tidak bersedia dengan pakaian semasa waktu kecemasan.</li><li>• Penghuni boleh menjadi beremosi dan lambat untuk meninggalkan kediaman sendiri.</li><li>• Penghuni berpotensi memasuki kediaman semula (potential re-entry behavior) kerana pautan emosi dengan orang atau harta di dalam kediaman.</li></ul> |
| 5.   | <b>Reka bentuk bangunan</b>                 | Amaran kebakaran tidak dapat disebar dengan pantas kerana penghuni berada di dalam struktur berpetak (compartmentalised).                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| 6.   | <b>Penyelenggaraan sistem kebakaran</b>     | Tidak sentiasa diselenggara dengan baik.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 7.   | <b>Pasukan bantuan kecemasan</b>            | Penghuni tidak dilatih untuk membantu dalam pengungsian waktu kebakaran dan kecemasan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |

### 3. Insitusi

| Bil. | Perkara                                     | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|------|---------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <b>Jenis Pembangunan</b>                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesihatan (klinik kesihatan, hospital)</li> <li>• Pendidikan (sekolah)</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 2.   | <b>Had ketinggian TADIKA dan TASKA</b>      | Sehingga aras 2.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| 3.   | <b>Tempoh masa pengungsian (evacuation)</b> | Panjang                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 4.   | <b>Ciri-ciri penghuni (occupants)</b>       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebahagian besar penghuni adalah <b>golongan kurang upaya</b> secara sementara atau kekal, dan tidak mampu bergerak pantas.</li> <li>• Mereka <b>memerlukan bantuan</b> untuk menyelamatkan diri.</li> <li>• Golongan ini <b>mudah letih</b> dan boleh menghadapi kesukaran mencari laluan (way-finding) turun dari bangunan tinggi.</li> </ul> |
| 5.   | <b>Reka bentuk bangunan</b>                 | Bangunan seperti hospital <b>disediakan kawasan perlindungan</b> untuk perlindungan sementara sebelum pasukan penyelamat tiba.                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 6.   | <b>Penyelenggaraan sistem kebakaran</b>     | <b>Sentiasa diselenggara</b> dengan baik.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 7.   | <b>Pasukan bantuan kecemasan</b>            | <b>Terdapat pekerja terlatih</b> seperti staf perubatan dan guru yang boleh membantu dalam pengungsian semasa kebakaran dan kecemasan.                                                                                                                                                                                                                                                   |

## 4. Komersial


| Bil. | Perkara                                     | Penerangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|------|---------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <b>Jenis Pembangunan</b>                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komplek membeli-belah</li> <li>• Kedai pejabat</li> <li>• Rumah kedai - aras 2</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                     |
| 2.   | <b>Had ketinggian TADIKA dan TASKA</b>      | Sehingga aras 1 bagi kompleks membeli belah dan kedai pejabat.<br>Sehingga aras 2 bagi rumah kedai.                                                                                                                                                                                                                                                    |
| 3.   | <b>Tempoh masa pengungsian (evacuation)</b> | Panjang                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
| 4.   | <b>Ciri-ciri penghuni (occupants)</b>       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebahagian besar adalah penghuni sementara (transient).</li> <li>• Penghuni seperti pelawat, tidak biasa dengan persekitaran dan laluan kecemasan yang ada di dalam bangunan.</li> <li>• Pada waktu kecemasan, ramai orang perlu diungsikan dan mereka mempunyai keupayaan fizikal yang berlainan.</li> </ul> |
| 5.   | <b>Reka bentuk bangunan</b>                 | Amaran kebakaran tidak dapat disebar dengan pantas kerana penghuni berada di dalam struktur berpetak (compartmentalised).                                                                                                                                                                                                                              |
| 6.   | <b>Penyelenggaraan sistem kebakaran</b>     | Sentiasa diselenggara dengan baik.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| 7.   | <b>Pasukan bantuan kecemasan</b>            | Pekerja tidak dilatih untuk membantu dalam pengungsian waktu kebakaran dan kecemasan.                                                                                                                                                                                                                                                                  |

## 5. Bercampur - Akses Berasingan (Separate Access)

| Bil . | Perkara                                     | Penerangan                                                               |
|-------|---------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| 1.    | <b>Jenis Pembangunan</b>                    | Menggunakan akses individu ke bangunan kegunaan bercampur.               |
| 2.    | <b>Had ketinggian TADIKA dan TASKA</b>      | Mengikut ketetapan bangunan pejabat, perumahan, institusi dan komersial. |
| 3.    | <b>Tempoh masa pengungsian (evacuation)</b> | -                                                                        |
| 4.    | <b>Ciri-ciri penghuni (occupants)</b>       | -                                                                        |
| 5.    | <b>Reka bentuk bangunan</b>                 | -                                                                        |
| 6.    | <b>Penyelenggaraan sistem kebakaran</b>     | -                                                                        |
| 7.    | <b>Pasukan bantuan kecemasan</b>            | -                                                                        |

## 6. Bercampur - Akses Bersama (Shared Access)

| Bil . | Perkara                                     | Penerangan                                                |
|-------|---------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| 1.    | <b>Jenis Pembangunan</b>                    | Menggunakan akses bersama ke bangunan kegunaan bercampur. |
| 2.    | <b>Had ketinggian TADIKA dan TASKA</b>      | Mengikut kegunaan yang dominan di aras 1.                 |
| 3.    | <b>Tempoh masa pengungsian (evacuation)</b> | -                                                         |
| 4.    | <b>Ciri-ciri penghuni (occupants)</b>       | -                                                         |
| 5.    | <b>Reka bentuk bangunan</b>                 | -                                                         |
| 6.    | <b>Penyelenggaraan sistem kebakaran</b>     | -                                                         |
| 7.    | <b>Pasukan bantuan kecemasan</b>            | -                                                         |



# Proses kelulusan bagi bangunan dan ruang khas yang telah didirikan bangunan.

## PERMOHONAN PENDAFTARAN, LESEN PREMIS PERNIAGAAN

Permohonan pendaftaran, lesen  
premis perniagaan

Bayaran fi pendaftaran, lesen premis  
perniagaan

Pemeriksaan oleh agensi berkaitan

Pengeluaran Sijil Pendaftaran dan  
Lesen Premis Perniagaan

MULA

1

2


3

TAMAT

### Pra syarat.:

Pemohon/pemilik premis perlulah terlebih dahulu:

- Mendaftar perniagaan dan syarikat.
- Menjalani Kursus Latihan Pengendali Makanan (KKM).
- Memohon pendaftaran TADIKA dan TASKA di agensi berkaitan.





**PERLU MELALUI PROSES KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN**

**PERMOHONAN KM DAN PELAN BANGUNAN**

Permohonan dan bayaran Fi KM dan Pelan Bangunan di kaunter OSC PBT (Borang Permohonan)

OSC semak permohonan (lengkap/ tidak lengkap).

Edaran dokumen ke agensi berkaitan

Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC

Proses pembinaan/ pengubahsuaian

- Pra syarat:  
Pemohon/pemilik premis perlulah terlebih dahulu:
- Mendaftar perniagaan dan syarikat
  - Menjalani Kursus Latihan Pengendali Makanan (KKM) dan KAAK (JKM)
  - Memohon pendaftaran TADIKA dan TASKA di agensi berkaitan.



**PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN**

Bayaran lesen premis perniagaan.

Melengkapkan pendaftaran dengan agensi berkaitan.

Pemeriksaan oleh agensi berkaitan dan pengeluaran CCC

Pengeluaran Sijil Pendaftaran



# Pengiraan Keperluan Penyediaan TASKA Berdasarkan Ruang Lantai Bangunan Pejabat

- Saiz optima bagi TASKA = Andaian 1500 kp
- Bilangan kanak-kanak =  $1500 \text{ kp} \div 37.6 \text{ kp}$   
= **40 orang**
- Andaian **15% daripada pekerja di pejabat** mempunyai sekurang-kurangnya **seorang (1)** anak di bawah umur 4 tahun (*DOSM 2016*).
- Andaian **15%** pekerja yang mempunyai anak di bawah umur 4 tahun hantar anak ke Taska di pejabat.

$$40 \times \frac{100}{15} = 267 \qquad 267 \times \frac{100}{15} = \textbf{1780 pekerja}$$

Ruang pejabat yang diperlukan untuk **1780 pekerja**

- $1780 \text{ pekerja} \times 67.3 \text{ kp (ruang/pekerja)} = 119,794 \text{ kp}$
- $119,794 \text{ kp} = \text{ruang lantai bersih pejabat}$

**\* Cadangan Keperluan Penyediaan TADIKA/TASKA di Bangunan Pejabat  
± 100,000 kp (ruang lantai bersih)**